



**BULETIN**

**UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Bil.10 Oktober 2022 | ISSN 2232-0415



# UTHM sambut kedatangan 2049 pelajar baharu program sarjana muda

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

EXCELLENT



UTHM Johor



subscribe

UTHM TV



Global Technopreneur  
University 2030



## ISI KANDUNGAN

- 1 UTHM sambut kedatangan 2049 pelajar baharu program sarjana muda
- 2 Konvensyen KIK bantu lahirkan warga universiti berjiwa kreatif, berinovasi
- 3 UTHM bakal sambut ulang tahun ke-30
- 5 Stadium UTHM berjaya dapat pengiktirafan antarabangsa
- 6 Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM bangukan modul program PETIK
- 8 UTHM bersama lapan universiti awam jalin kerjasama dengan JKR
- 10 17 sukarelawan UTHM ceriakan sekolah, tingkat kesedaran keselamatan jalan raya
- 11 FSKTM perkenal penggunaan aplikasi CANVA kepada pelajar kolej komuniti
- 13 Terbitan Terkini



## REDAKSI

### PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

### EDITOR

Nor Azezee Ahmad

### PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

### FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak  
Jaafar Muhammad

### GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

### PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

### PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

### PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat  
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





## UTHM sambut kedatangan 2049 pelajar baharu program sarjana muda

**B**ATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyambut kedatangan 2049 pelajar baharu program ijazah sarjana muda bagi semester 1 sesi 2022/2023 pada hari pertama pendaftaran yang diadakan pada 9 Oktober 2022 bertempat di kampus induk Parit Raja dan kampus Pagoh.

Jumlah tersebut dijangka akan bertambah dari semasa ke semasa sehingga tempoh pendaftaran berakhir.

Kesemua pelajar baharu itu akan mengikuti sesi perkuliahan 2022/2023 secara bersemuka mengikut keperluan dan penetapan yang dibuat oleh fakulti masing-masing.

Terdahulu, mereka perlu mengikuti Minggu Haluan Siswa (MHS) yang dijadualkan berlangsung selama lima hari bermula 9 hingga 13 Oktober ini.

Naib Canselor UTHM, Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim berkata kesemua pelajar baharu itu akan ditempatkan di kolej-kolej kediaman yang disediakan oleh universiti.

Mereka akan mengikuti program pengajian di lapan fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

“UTHM berharap para pelajar yang mendaftar di kampus induk Parit Raja dan kampus Pagoh sudah bersedia untuk mengharungi kehidupan kampus dan berusaha keras bagi mencipta kecemerlangan dalam bidang masing-masing.

“Saya mengucapkan tahniah kepada semua yang terpilih menjadi warga universiti ini dan berharap semua pelajar dapat menggunakan peluang ini dengan sebaik mungkin untuk mencapai kejayaan di kemudian hari,” katanya.

Beliau bersama dengan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Ts. Dr. Azme Khamis dan Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Prof. Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki Mustafa turut menyambut dan meraikan kedatangan pelajar baharu bersama keluarga masing-masing pada hari tersebut.



## Konvensyen KIK bantu lahirkan warga universiti berjiwa kreatif, berinovasi



**B**ATU PAHAT – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) meraih gelaran johan keseluruhan bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Universiti Awam (UA) yang dianjurkan buat kali ke-16 bermula pada 20 September 2022 lalu.

UKM berjaya meraih gelaran tersebut melalui projek “Aduan Sistem Maklumat Radiologi Yang Tinggi” yang dihasilkan oleh kumpulan Benuacipta kategori Pengurusan.

Menurut Ketua Projek, Muhammad Nizam Mohd Sobri, sistem tersebut dibangunkan bagi menambah baik permohonan pemeriksaan radiologi yang sebelum ini dijalankan secara manual menggunakan borang pemeriksaan.

“Permohonan secara manual akan mengakibatkan proses permohonan lewat, aliran kerja tidak cekap, berlaku kesilapan data dan sering menerima aduan daripada pelanggan sekali gus memberi impak kepada pesakit yang memerlukan rawatan segera,” katanya.

Makanya satu sistem baharu telah dibangunkan bagi menjadikan kerja lebih efisien, mengurangkan aduan pelanggan, menjimatkan masa dan kos barang pakai habis serta bagi mengurangkan langkah prosedur yang diperlukan.

Pemilihan para pemenang kali ini bersinonim dengan objektif penganjuran konvensyen iaitu untuk berkongsi idea dan amalan terbaik bagi meningkatkan kualiti, kecekapan

dan keberkesanan perkhidmatan UA di Malaysia, di samping mencungkil kreativiti serta idea baharu dalam reka bentuk dan inovasi kreatif.

Selain itu, konvensyen ini juga menjadi platform untuk menggalakkan persaingan sihat dalam kalangan warga universiti menerusi aktiviti inovasi, sains dan teknologi sekali gus sebagai pemangkin bagi penjaanaan penyelidikan, inovasi dan daya cipta.

Bertemakan “Minda Kreatif Terajui Inovasi Sains dan Teknologi,” Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dipilih menjadi tuan rumah untuk penganjuran Konvensyen KIK pada tahun ini.

Konvensyen KIK kali ini menyaksikan penyertaan 48 kumpulan dari UA, yang mana 28 kumpulan bersaing bagi kategori kumpulan ‘Pengurusan’ manakala 20 kumpulan lagi mewakili kumpulan ‘Teknikal.’

Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato’ Sri Ibrahim Ahmad hadir menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Konvensyen KIK Kali Ke-16 yang diadakan pada 4 Oktober 2022 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk UTHM.

Beliau dalam ucapannya menekankan kepentingan inovasi dan penambahbaikan perkhidmatan dalam sesebuah organisasi agar organisasi tersebut terus kekal relevan sepanjang masa.

“Saranan oleh kepimpinan tertinggi negara supaya semua penjawat awam perlu memiliki kapasiti intelektual,

nilai kreativiti dan inovasi yang tinggi bagi memastikan perkhidmatan awam menjadi lebih cemerlang dan wajar disambut secara positif serta optimis oleh seluruh warga universiti,” katanya.

Tambah beliau, penganjuran konvensyen seumpama ini menuntun peserta menggunakan minda kreatif dan daya imaginasi yang tinggi, yang mampu memberi nilai tambah kepada kecekapan perkhidmatan dan penghasilan produk.

“Makanya, penganjuran Konvensyen KIK ini saban tahun sejak 2006 lagi diharap dapat menjadi platform dalam menyuburkan budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan warga universiti, termasuklah sektor awam dan swasta selaras dengan perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi masa kini,” katanya.

Turut diadakan, sesi penyerahan tuan rumah kepada Universiti Malaysia Pahang bagi menjayakan penganjuran KIK UA kali ke-17 pada tahun hadapan.

Hadir sama ke majlis tersebut, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Ts. Dr. Azme Khamis selaku wakil rasmi Naib Canselor UTHM; wakil-wakil rasmi Naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor UA, Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman; Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kualiti) UTHM, Prof. Dr. Mas Fawzi Mohd. Ali dan Pengarah Pejabat Pengurusan Kualiti UTHM, Dr. Shazarel Shamsudin.

## UTHM bakal sambut ulang tahun ke-30



**B**ATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bakal menyambut ulang tahun ke-30 penubuhannya pada 16 September 2023 akan datang.

Bagi memperingati tarikh keramat penubuhannya pada 16 September 1993, UTHM telah mengadakan Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-30 pada 18 Ogos 2022 lalu bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk Parit Raja.

Bermula dengan penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP), universiti ini telah dinaik taraf sebagai Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 12 April 1996, diikuti dengan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (KUiTTHO) pada 30 September 2000 sehinggalah diumumkan sebagai Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 1 Februari 2007.

Seiring dengan pertambahan usianya, UTHM terus komited dalam menyebarkan ilmu pengetahuan dan menghasilkan graduan yang dapat memenuhi keperluan industri, komuniti dan negara.

Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Ibrahim Ahmad dalam ucapannya berkata pada tahun ini, UTHM telah berjaya meletakkan posisi pada ranking 4001-500 The World University Ranking (Asia) dan 1001-1200 dalam The World University Ranking 2023.

UTHM juga telah menerima pengiktirafan lima bintang dalam dalam penarafan Sistem Pengumpulan Data Universiti Awam (MyMohes) manakala kebolehpasaran graduannya pula mencapai 95.11 peratus.

"Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga UTHM yang membawa universiti ini sampai ke tahap yang amat membanggakan pada hari ini.

"Saya percaya, kerjasama erat yang kita jalin ini akan terus membawa UTHM ke tahap yang lebih gemilang pada masa akan datang khususnya dalam mencapai Hala Tuju UTHM untuk menjadi Global Technopreneur University (GTU) serta Digital TVET menjelang tahun 2030," katanya.

Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Menteri

Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi yang merupakan cucu kepada mantan Perdana Menteri Malaysia ke-3, Tun Hussein Onn yang namanya telah diabadikan pada nama universiti ini.

Turut diadakan pada majlis tersebut, satu sesi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UTHM, Huawei dan Telekom Malaysia (TM).

Dalam perjanjian kolaborasi tersebut, TM dan Huawei bertindak sebagai pemacu digital kepada UTHM dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi merealisasikan perancangan induk digitalisasi universiti 2030.

Usaha ini bagi menyokong hasrat kerajaan menjayakan agenda pendigitalan pendidikan tinggi negara.

Selain itu, Menteri Besar Johor turut melancarkan Makmal Artificial Intelligence (AI) UTHM yang merupakan salah satu projek kerjasama antara HUAWEI dan TM.

Salah satu daripada inisiatif di bawah kerjasama pendigitalan

pendidikan tinggi ialah pelaksanaan AI Lab di empat universiti di Malaysia. UTHM merupakan universiti yang terpilih di Johor untuk menerima inisiatif ini selain UTM.

Sumbangan tersebut secara umumnya bertujuan menggalakkan pembangunan bakat digital di negara ini.

HUAWEI bersama TM sebelum ini telah menyumbang peralatan makmal AI atau lebih dikenali dengan kecerdasan buatan untuk memacu penggunaan AI sebagai sebahagian daripada kerjasama inovasi AI Kebangsaan.



## Stadium UTHM berjaya dapat pengiktirafan antarabangsa



**B**ATU PAHAT, 5 Okt 2022 - Stadium Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mendapat pensijilan 'World Athletics: Class 2 Athletics Facility Certificate' pada 1 September 2022 lalu setelah kemudahan fasiliti trek dan padangnya mencapai kehendak teknikal yang telah termaktub di dalam *World Athletics Rules*.

Pengiktirafan tersebut telah dikeluarkan oleh *World Athletics* yang terdahulunya dikenali sebagai *International Association of Athletics Federation* (IAAF) iaitu satu badan pengiktiraf bagi trek dan padang sukan di peringkat antarabangsa sejak tahun 1912 yang berpusat di Monaco.

Menurut Pengarah Pejabat Pembinaan dan Penyelenggaraan (PPP), Prof. Madya Dr. Mohammad Kamil Abdullah pihaknya telah selesai melaksanakan kerja-kerja menaik taraf trek dan padang Stadium UTHM pada awal Ogos lalu.

"Sejajar dengan kerja pembaikan dan naik taraf tersebut, pihak PPP telah memanggil panel penilai yang terdiri daripada pakar trek dan padang bagi memastikan papaian kualiti di peringkat antarabangsa dapat dicapai.

"Pengiktirafan ini dapat membuktikan bahawa Stadium UTHM mampu menyediakan fasiliti bertaraf antarabangsa

sekali gus mampu menjadi sebuah institusi yang terulung di peringkat global," katanya.

Untuk rekod, stadium tersebut sudah mula dibuka kepada warga universiti pada 19 September lalu untuk aktiviti sukan dan riadah.



## Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM bangunkan modul program PETIK



**B**ATU PAHAT - Berlandaskan salah satu struktur fungsi yang telah dirangka dalam Pelan Strategik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 2021 hingga 2025, iaitu UTHM Prihatin yang memfokuskan tanggungjawab sosial kepada komuniti dan alam sekitar, Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah mengorak langkah proaktif dengan membangunkan modul program Pemimpin Perintis Kejayaan (PETIK).

Program PETIK merupakan salah satu program khidmat sosial korporat PTTA bersama masyarakat setempat khususnya pelajar sekolah.

Program berteraskan model kemahiran insaniah itu bertujuan untuk memupuk ciri-ciri seorang pemimpin dalam kalangan peserta termasuk kemahiran interpersonal yang berkeupayaan untuk bersosial, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan.

Selain mempunyai nilai kepimpinan, bertanggungjawab

dan beretika, kemahiran kognitif untuk berfikir dengan lebih kritis dan boleh menyelesaikan masalah juga turut diterapkan dalam modul itu.

Menurut Ketua Fokus UTHM Prihatin, Zaharah Abd Samad yang juga Ketua Pustakawan, kini PTTA mempunyai kumpulan fasilitator dan sukarelawan dalam kalangan staf.

"Bengkel *Training of the Trainers* (TOT) akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan modul dan memastikan kumpulan fasilitator bersedia sepenuhnya untuk menerajui program ini," katanya.

Untuk rekod, program PETIK telah diadakan buat pertama kali pada 16 Jun 2022 lalu bertempat di Sekolah Kebangsaan Kg. Dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam.

Ia dilaksanakan sempena Kursus Kepimpinan *Student Leader Board* (SLB) di sekolah berkenaan yang melibatkan penyertaan 177 murid.

Mereka terdiri daripada pemimpin kecil sekolah iaitu Pengawas, Pengawas Pusat Sumber, Pembimbing Rakan Sebaya, Ketua Kelas dan Penolong Ketua Kelas.

Sejak penganjuran sulungnya, program PETIK mendapat perhatian dan sambutan yang amat memberangsangkan oleh pihak di sekolah sekitar Batu Pahat.

Manakala pada 28 September 2022 lalu, program PETIK siri kedua telah dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Parit Bingan, Batu Pahat dengan kerjasama Yayasan UTHM, melibatkan penyertaan 66 murid tahap dua.

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Suhaimi Mohd Sukor menyampaikan hadiah kepada peserta dan kumpulan terbaik ketika berlangsungnya majlis penutupan program.

Majlis tersebut turut menyaksikan enam murid asnaf menerima bantuan wang tunai sumbangan daripada Yayasan UTHM.

☑Melihat keseronokan dan wajah ceria para peserta sepanjang program berlangsung, ia membuatkan Kumpulan PETIK@PTTA nekad untuk mengembangkan lagi program ini ke sekolah-sekolah lain pada masa akan datang.

"Semoga ia menjadi salah satu wadah PTTA dalam menyokong aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi melalui pendekatan *University for Society@Keluarga Malaysia (UniTY)* dan *University for Society (U4S)*," kata Suhaimi.



## UTHM bersama lapan universiti awam jalin kerjasama dengan JKR



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama lapan universiti awam (UA) menjalin kerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam bidang *Building Information Modeling* (BIM) bagi menghasilkan projek penyelidikan dan bukan penyelidikan.

Inisiatif kolaborasi dengan universiti tempatan atau organisasi luar di bawah Adaptasi BIM dalam Pelaksanaan Projek Melalui Pelan Strategik JKR 2016-2020 bertujuan untuk mengukuhkan jalinan kerjasama antara semua pihak yang terlibat, melaksanakan program yang terancang bagi memperluaskan skop potensi peluasan penggunaan BIM dalam kitar hayat pengurusan aset menyeluruh merangkumi aspek kajian, pembangunan, penyelidikan dan latihan dan

mewujudkan ekosistem serta transformasi pengetahuan BIM dengan lebih sistematik.

Kerjasama ini dapat memberi peluang kepada semua pihak untuk mengeksplorasi bidang BIM sebagai satu usaha membantu meningkatkan tahap keberkesanan sistem penyampaian projek dan memacu produktiviti industri pembinaan di era IR 4.0.

Kerjasama melalui Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) itu dimeterai melalui memorandum persefahaman (MoU) yang diadakan pada 7 September 2020 lalu bertempat di Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE), Alor Gajah, Melaka.

Kerjasama JKR dan sembilan UA selama dua tahun itu telah menghasilkan 31 projek penyelidikan dan 46 aktiviti berkaitan program bukan penyelidikan.

UTHM berjaya menyelesaikan dua projek penyelidikan dalam aspek inovasi dan teknologi serta tujuh program bukan penyelidikan bersama JKR menerusi MoU tersebut.

Program bukan penyelidikan yang berjaya dilaksanakan oleh kedua-dua pihak ini terdiri daripada webinar, forum, persidangan dan juga penerbitan bersama dalam penghasilan poster dan juga jurnal artikel.

Walaupun terdapat pelbagai isu dan cabaran yang perlu ditempuhi terutama semasa negara

menghadapi pandemik Covid-19, UTHM terus komited dalam memastikan program penyelidikan dan bukan penyelidikan dapat direalisasikan dan memberi impak kepada kedua-dua pihak.

Menurut Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR), Ir. Dato' Seri Mohamad Zulkefly Sulaiman semasa mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan bagi program Memorandum Persefahaman (MoU) bidang *Building Information Modelling* (BIM) pada 21 Oktober 2022 lalu, kerjasama dalam bidang BIM akan diteruskan dengan pelaksanaan pelbagai penyelidikan berkaitan potensi peluasan penggunaan BIM serta integrasi di antara BIM dan teknologi baharu muncul Resolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

Tambah beliau, usaha sama dalam bidang teknologi pendigitalan dapat bergerak seiring dengan perkembangan semasa bagi mempercepatkan adaptasi teknologi pembinaan ke arah yang lebih mampan.

"Kerjasama antara semua pihak dapat membantu menghasilkan solusi dan inovasi dalam menambah baik sistem penyampaian projek secara BIM.

"Pembangunan modal insan berteraskan teknologi baharu juga dapat dilaksanakan secara holistik di peringkat akar umbi dan lebih awal bagi melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing," katanya.

Mesyuarat Penyelarasan tersebut turut disertai oleh Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Dekan dan beberapa orang staf akademik dari sembilan UA terpilih.

UTHM diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim iaitu Naib Canselor UTHM bersama Penyelaras MoU JKR BIM dan UTHM iaitu Profesor Madya Dr. Aryani Ahmad Latiffi dari FPTP dan dua ahli jawatankuasa iaitu Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan) FPTP, Profesor Madya Dr. Md Asrul Nasid Masrom dan Ir. Dr. Mohammad Soffi Md Noh dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB).

Program kerjasama antara JKR dan sembilan UA itu dilihat dapat menyokong hasrat kerajaan untuk mendigitalisasikan industri pembinaan dan pengurusan aset menyeluruh sejajar dengan perkembangan IR 4.0.

BIM merupakan salah satu teknologi yang semakin meluas diguna pakai dalam industri pembinaan.

Teknologi BIM yang diguna pakai dalam industri pembinaan dapat memberikan kebaikan dalam tempoh jangka panjang kepada semua pemain industri tersebut yang terlibat dalam semua peringkat pengurusan sesebuah projek pembinaan.

Penggunaan teknologi ini telah membuktikan bahawa masalah

dari aspek kelewatan masa pembinaan, peningkatan kos dan penjejasan kualiti sesebuah projek pembinaan dapat diatasi dan diuruskan dengan lebih baik.



## 17 sukarelawan UTHM ceriakan sekolah, tingkat kesedaran keselamatan jalan raya



**B**ATU PAHAT, 11 Oktober 2022 – Seramai 17 sukarelawan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menjayakan program khidmat masyarakat dan sesi pemindahan ilmu berkaitan keselamatan jalan raya bersama pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Rejo Sari, Senggarang.

Mereka terdiri daripada ahli Kumpulan Fokus *Advanced Pavement Materials* (PAVE-MAT), staf Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) dan dua pensyarah dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Program tersebut telah mendapat tajaan kewangan daripada Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat, UTHM.

Menurut pengarah program, Dr. Nurul Hidayah Mohd Kamaruddin,

SK Seri Rejo Sari merupakan sekolah angkat di bawah Kumpulan Fokus PAVE-MAT.

“Pada tahun lalu, kami pernah mengadakan webinar bersama sekolah tersebut secara dalam talian bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19.

“Manakala untuk program tahun ini, kami sangat teruja dapat menjayakannya secara fizikal dengan melakukan aktiviti seperti membersihkan koridor bangunan sekolah, mengecat koridor seperti jalan raya dan membantu penandaan garis jalan bersama para pelajar tahun enam,” katanya.

Manakala bagi sesi pemindahan ilmu, Ketua Pusat Pemanduan Bijak FKAAB, Dr. Mohamad Nasir Mohammad Taher telah menyampaikan ceramah bertajuk “Kepentingan Papan Tanda

dan Keselamatan Jalan Raya” melibatkan penyertaan 295 pelajar tahun satu hingga lima.

Guru Besar SK Rejo Sari, Mohd Iswandy Sahlan mewakili pihak sekolah berterima kasih kepada UTHM kerana sudi menyumbang tenaga dan ilmu yang sangat berguna kepada pelajar dan berharap agar program sebegini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



## FSKTM perkenal penggunaan aplikasi CANVA kepada pelajar kolej komuniti



MUAR - Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Jawatankuasa STEM telah melaksanakan satu bengkel penghasilan e-Poster dan infografik menggunakan aplikasi CANVA pada 27 September 2022 lalu bertempat di Kolej Komuniti Muar (KKM).

Penganjuran bengkel tersebut sebagai inisiatif menyebarkan luas pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan komuniti setempat.

Bengkel sehari itu membabitkan penyertaan dua pensyarah dan 32 pelajar KKM, semester satu dan dua kursus Dandan Rambut serta kursus Terapi Kecantikan dan SPA.

Bengkel yang diketuai Pensyarah FSKTM, Dr. Rosmawalwi Mat Nawi itu dibantu oleh Dr. Suhaila Mohd Yassin, Dr. Cik Feresa Mohd Foozy, Dr. Nur Ariffin Mohd Zin, Rozlini Mohamed, Hanayanti Hafit dan Suriawati Suparjoh.

Bengkel penggunaan CANVA yang berlangsung selama tiga jam itu dibahagikan kepada tiga sesi berbeza iaitu modul penghasilan resume, kad perniagaan dan *Instagram story*.

Turut diadakan, penyampaian hadiah kepada para peserta yang berjaya menghasilkan produk akhir paling menarik bagi setiap kategori.

Menurut Dr. Rosmawalwi, bengkel tersebut mendapat sambutan yang sangat baik daripada para pelajar dan mereka turut berjaya

menghasilkan produk masing-masing di akhir setiap modul.

“Penganjuran bengkel seumpama ini secara tidak langsung membantu dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar sekali gus memberi nilai tambah kepada mereka untuk membuat persediaan ke alam pekerjaan,” katanya.





# IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

## SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

## KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

\*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT  
LANJUT SILA IMBAS  
QR CODE



SCAN ME

Fakulti Sains Komputer &  
Teknologi Maklumat  
Universiti Tun Hussein Onn  
Malaysia,  
86400, Parit Raja, Batu Pahat,  
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601  
FAX: +(607) 453 6023  
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

## PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

WEB SPECIALIST

PENGURUS PROJEK WEB

PENGANALISA WEB

PEMBANGUN KANDUNGAN  
WEB

PEREKA WEB




## KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



# Terbitan Terkini




## HOW MALAYSIAN NEWSPAPERS REPRODUCE ISLAMOPHOBIA

Mohd Nazri Latiff Azmi, Isyaku Hassan, Mohammad Talha Mohamed Idris

e-978-967-2817-70-3

RM 19.00

The media are blamed for using biased language to stigmatize Muslims. Many people believe that the media's negative portrayal of Islam is one of the most socially prevalent and significant sources of Islamophobia. This book explores how Islamophobia is reproduced in selected Malaysian newspapers from a framing perspective. Framing theory considers meaning as existing particularly in the media messages. It focuses on the influence of news viewpoints used by journalists on the audiences. The Star and New Straits Times were chosen for analysis. It was discovered that the newspapers tend to reproduce Islamophobia through the use of conflict frames, negative tone, use of photos, and sensational language. Further analysis showed that the western media's negative content influences how newspapers report Islam in Malaysia. Journalist's perception, corporate ownership of the media, editorial policies, government regulations, and lack of proper training amongst journalists influences news reporting of Islam. The spread of Islamophobia can be minimized through the collective effort of journalists, editors, corporate ownership of the media, and by being conflict-sensitive and restrictive to the actors.



## THE CRISIS OF CLIMATE CHANGE : IMPACT ON CALAMITIES IN MALAYSIA

Siti Nazahiyah Rahmat, Nurul Nadrah Aqilah Tukimat

e-978-967-2817-69-7

RM 18.00

Climate change is emerging as a global phenomenon. Much research has been devoted to study the consequences on a wide range of human and environmental systems. In Malaysia, more intense and frequent extreme events are expected due to extreme climate change. The Crisis of Climate Change: Impact on Calamities in Malaysia offers an insightful look at climate variability, floods, and droughts despite no previous understanding of climate processes. It also presents a basic definition of weather calamities that can help general readers better understand the causes of climate variability and the consequences. The book contains four chapters related to climate change. It collects the latest information and findings of possible future climate based on case studies that have been carried out in some parts of Pahang and Johor, Malaysia. The impact of climate change on the implementation of rainwater harvesting (RWH) as one of the adaptation measures is also discussed. Future climate should be considered in the design and planning of the RWH system so that the system can sustainably meet stormwater management requirements. The most important thing is that the impacts of climate change need to be studied at the regional or local scale to improve planning and management for a climate-resilient future.

# Terbitan Terkini



## REVOLUSI INDUSTRI

Suhaizal Hashim, Nurhanim Saadah Abdullah, Usuloudin Hamzah

e- 978-967-2817-77-2

RM 19.00

Terhasilnya buku ini adalah atas hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai revolusi industri terkini yang pesat berkembang mengikut peredaran masa. Sejar dengan kehendak pendidikan abad 21, atas kesedaran bahawa masih ramai lagi antara kita masih kurang cakna tentang proses yang sedang pesat berlangsung ini. Dengan adanya transformasi sebegini, proses pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kuat dan menghasilkan tahap produksi lebih tinggi.

Buku ini disusun dalam beberapa bab meliputi beberapa topik mengikut perkembangan Revolusi Industri di negara-negara maju dan tidak ketinggalan juga perkembangannya di Malaysia. Selain itu, pecahan dalam elemen-elemen revolusi industri ini juga telah dihuraikan untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca dalam menghayati dan memahami proses-proses tersebut. Setiap elemen revolusi industri yang dibincangkan ini disertakan dengan sokongan beberapa kajian yang telah dijalankan serta contoh dari persepsi penulis sendiri untuk memudahkan kefahaman kepada pembaca.



**“UTHM Championing TVET”**